

() KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 29

28 Disember 2009

-SIARAN AKHBAR-

PENGGREDAN SEMULA SSR-PBT KPKT 2009

Kuala Lumpur 28 Disember 2009 – 10 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dinaikkan taraf melalui Penggredan Semula oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Penggredan SSR-PBT ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai tahap pencapaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mengemaskini ciri-ciri PBT berprestasi tinggi supaya PBT sentiasa memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi masing-masing.

Ia dilaksanakan dengan mengguna pakai **352 indikator** yang diwujudkan di bawah **4 kriteria** utama iaitu Pengurusan, Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan dan Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.

Proses penggredan SSR-PBT ini telah dimulakan pada **1 April 2008** melibatkan **98 PBT** di Semenanjung Malaysia dan hasil daripada penggredan tersebut sebanyak 10 PBT telah dinaikkan taraf empat bintang. Keputusan penggredan tahun 2008 telah diumumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2009 pada 18 Mac 2009 di PERSADA Johor Bahru.

KPKT telah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri yang terlibat mengenai hasrat kementerian ini untuk melaksanakan penilaian semula SSR-PBT ke atas 10 PBT pada 26 Ogos 2009 dan satu sesi taklimat khas kepada 10 PBT serta Kerajaan Negeri yang terlibat telah diadakan pada **1 September 2009** bertujuan untuk menerangkan kaedah pelaksanaan penggredan semula SSR-PBT serta tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh PBT berdasarkan penemuan dalam penggredan tahun 2008.

Susulan daripada itu, semua 10 PBT telah diberikan tempoh 2 bulan bermula **2 September 2009 sehingga 2 November 2009** untuk membuat persediaan sebelum penggredan semula dilaksanakan. Kementerian melalui Bahagian Inspektorat telah mengadakan lawatan penggredan semula ke 10 PBT yang terlibat bermula pada **3 November 2009 dan selesai pada 11 November 2009**. Hasil daripada penggredan semula, didapati semua 10 PBT telah berjaya meningkat sekurang-kurangnya satu taraf bintang yang lebih tinggi berbanding sebelumnya. (Lihat Jadual)

PBT	Markah 2008	Taraf Bintang	Markah Penggredan Semula	Taraf Bintang
MP Kajang	74.95	3	81.40	4
MP Johor Bahru Tengah	74.30	3	77.60	4
MB Kuala Terengganu	58.25	2	76.90	4
MD Pontian	58.15	2	70.40	3
MD Kubang Pasu	58.40	2	67.00	3
MD Hulu Selangor	58.80	2	65.45	3
MD Ketereh	58.85	2	61.90	3
MD Baling	45.80	1	56.80	2
MD Rembau	45.65	1	56.45	2
MD Jelebu	45.65	1	54.50	2

10 PBT telah berjaya meningkat sekurang-kurangnya satu taraf bintang yang lebih tinggi berbanding sebelumnya.

Peningkatan paling ketara ialah Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang berjaya memperoleh taraf 4 bintang berbanding 2 bintang sebelumnya. Penggredan semula SSR-PBT ini juga mendapati semua PBT yang terlibat telah memberikan komitmen yang baik untuk meningkatkan prestasi kedudukan masing-masing dalam penggredan SSR-PBT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my